

Tatkala melihat bekas alas tidur Rasulullah di badannya, Abdullah bin Mas'ud menitiskan air matanya. Lihat apa jawapan Baginda... 18

SOLUSI.

Panduan Hidup Bersyariat

Tempat Tentera
Bergajah Abrahah
Dimusnahkan
Allah 78

MOTIVASI
FARDU AIN 136

2020 • PP 15048/05/2013 (032162)



JANGAN JADI
BAHAN BAKAR

NERAKA

“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala).”

(Surah al-Tahrim 6: 66)

Neraka
Bukan untuk
Kita! 10

ISU SEMASA


Tulisan Jawi:
Identiti Negara yang
Dipolemikkan

PROF. DATUK DR. AWANG SARIYAN

RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50



AB
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوْمٌ
أَنفُسُكُمْ وَآهْلِكُمْ نَارًا
وَقُوْدُهَا أَنَّاسٌ وَالْحِجَارَةُ

Maksudnya:

“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu (berhala).”

(Surah al-Tahrim 66: 6)

Ayat ini bermula dengan seruan kepada orang beriman. Hanya yang beriman akan menyahut seruan untuk memelihara diri dan keluarga daripada api neraka. Kenapa ayat ini menyeru orang beriman secara khusus?

- Kepercayaan atau keimananlah yang akan menentukan sama ada seseorang itu tahu (sekadar maklumat) dan sedar (melalui tindakan) tentang seksaan api neraka yang pasti berlaku. Selagi iman tiada dalam diri, selagi itulah kebenaran hari akhirat akan terus diragui.
- Iman perlu disusuli dengan tindakan. Sekadar percaya sahaja, ia tidak akan membawaakan apa-apa hasil.

DR. AZRUL AZLAN

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis Indahnya Hidup Bersyariat terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com



Neraka Bukan untuk Kita!

Umpama kita memandu di lebuh raya dengan kelajuan 180km/jam tanpa memakai tali pinggang keledar. Tiba-tiba, ada kenderaan di arah yang bertentangan memberi isyarat lampu sebagai tanda peringatan ada sesuatu yang menanti di hadapan. Mungkin ada kemalangan, sekatan jalan atau AES.

Kita mungkin percaya bahawa isyarat tersebut adalah benar. Namun, jika hanya sekadar percaya sahaja tetapi

Neraka Menurut al-Quran

Neraka merupakan tempat yang disediakan oleh Allah untuk orang kafir, sesat dan pendusta para rasul. Ia merupakan balasan azab bagi mereka yang memusuhi Allah dengan cara memenjarakan “penjenayah” ini.

Selain itu, neraka juga merupakan satu bentuk kerugian yang besar bagi golongan yang mengingkari perintah Allah ketika berada di dunia. (Umar al-Asyqar, *al-Jannah wa al-Nar*).

PUNCA MASUK NERAKA

Kufur dan syirik.

Nifak.

Makan riba.

Makan harta anak yatim.

Makan harta orang lain secara batil.

Membunuh orang beriman secara sengaja.

masih memandu dengan kelajuan yang sama tanpa memakai tali pinggang keledar, pasti bahaya dan saman menanti di hadapan.

Begitulah juga sebagai Muslim. Hanya dengan mengaku beriman tetapi tidak melaksanakan tuntutan Allah, ia tidak memberikan apa-apa arti.

Tadabbur Ayat

- Sebelum ayat ke-6 surah al-Tahrim, ayat-ayat sebelumnya merupakan bimbingan Allah s.w.t. kepada rumah tangga Baginda s.a.w. Justeru, soal menjauhi neraka bukan sahaja tentang “aku”, tetapi ia

- Manusia yang derhaka kepada Allah, tidak ada nilai kerana kehidupan mereka dipenuhi dengan dosa dan noda.
- Pada pandangan manusia, kejayaan di dunialah yang akan menjadikan nilai seseorang itu tinggi. Namun kita lupa bahawa dunia akan hancur dan yang kekal ialah kehidupan di akhirat kelak.
- Ketika kita pergi meninggalkan dunia, segala yang dimiliki tidak akan mempunyai apa-apa nilai lagi untuk kita. Amalan roh (spiritual) di dunialah yang akan menentukan cara kita “berjalan” di akhirat nanti.

3 Mengaku beriman sahaja tidak cukup sekiranya tidak diikuti dengan usaha untuk memelihara diri daripada perbuatan dosa dan noda.

Cara Memelihara Diri dan Keluarga daripada Api Neraka

Jelas bagi kita bahawa memelihara diri daripada api neraka bermula dengan keimanan yang utuh kepada Allah serta melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Antara caranya termasuklah:

1. Mentauhidkan Allah

- Tauhid merupakan kunci keampunan. Pintu keampunan ini tidak akan ditutup kecuali apabila seseorang kembali kepada Allah. (*Surah al-Nisa' 4: 48*)
- Tauhid ialah kunci untuk masuk ke dalam syurga. Pintu syurga sentiasa terbuka bagi yang mentauhidkan Allah walaupun dosa mereka banyak. Namun ia ditutup bagi mereka yang mensyirikkan Allah walaupun banyak kebaikan yang dilakukan. (*Surah al-Ma'idah 2: 72*)
- Tauhid juga menjadi sebab untuk mendapatkan keamanan di dunia dan akhirat. (*Surah al-An'am 6: 82*)

2. Mengikut Para Rasul

- Orang yang mengikuti golongan ini dijanjikan kehidupan yang

“

Mengaku beriman sahaja tidak cukup sekiranya tidak berusaha memelihara diri daripada perbuatan dosa dan noda.

”

kekal di dalam syurga. (*Surah al-Nisa' 4: 13*)

- Sesiapa yang mengikut golongan ini akan diberikan keampunan dan dihindarkan daripada azab Allah. (*Surah al-Ahqaf 46: 31*)

3. Melakukan amalan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

(*Surah al-Hajj 22: 30 dan 77*)

4. Melarang perbuatan yang dilarang dan menyuruh melakukan perintah Allah.

5. Mengajar dan memimpin ahli keluarga mendirikan solat, berpuasa dan berakhhlak mulia.

6. Bina syurga dalam rumah tangga.

Kata Buya Hamka: “Pada zaman sekarang, ramai orang lelaki yang tidak lagi mempedulikan solat lima waktu dan isteri mereka pula tidak mengetahui perbezaan antara mandi biasa dan mandi wajib. Kehidupan kebendaan yang dipukau oleh kemegahan yang dangkal menyebabkan rumah tangga tidak lagi mengikut Islam. Inilah yang diancam oleh api neraka yang akan dinyalakan oleh manusia dan batu-batu.” (*Tafsir al-Azhar*)

ReSOLUSI

1. Memulakan pencegahan daripada api neraka dengan diri sendiri, kemudian membantu dan membimbing ahli keluarga.
2. Mentadabbur ayat-ayat tentang neraka dengan tidak mengulangi sikap karakter-karakter ahli neraka yang disebut oleh al-Quran.  Biasa: 3 minit 30 saat
Pantas: 0 minit 17 saat

merupakan suatu tanggungjawab setiap individu untuk menyelamatkan diri dan keluarganya daripada api neraka.

Mungkin kerana itulah setiap hari dalam solat kita berdoa: “Kurniakanlah kami jalan yang lurus.” Pasti, mendapatkan jalan yang lurus bukanlah untuk kebaikan “aku” sahaja, tetapi berdoa untuk “kita” (orang ramai) terutamanya ahli keluarga yang paling dekat.

2 Allah menyebut bahawa bahan bakar neraka ialah manusia dan batu. Gandingan dua makhluk ini pasti membuatkan kita tertanya-tanya, “Apakah persamaan antara kedua-duanya?”

- Batu merupakan sesuatu yang tidak bernilai, lalu ia dicampakkan dan dibiarkan begitu sahaja.
- Begitulah manusia nanti, setelah diberikan ruang dan peluang yang sangat luas untuk mendapat hidayah Allah, namun memilih untuk jauh daripada-Nya. Mereka yang memilih selain Allah tidak ada nilainya. Lalu barang yang tidak bernilai ini akhirnya dijadikan bahan bakar di akhirat nanti.